



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (35)
Tarikh : 1 Disember 2019

SIARAN MEDIA

PROGRAM EKO KOMUNITI @ KUALE CAR FREE DAY

Kuala Kangsar, 1 Disember 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melancarkan Program Eko Komuniti @ Kuale Car Free Day dan Majlis Pelancaran dirasmikan oleh YBhg Datuk Azhar Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), bagi pihak YBM Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program ini merupakan anjuran bersama dengan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar yang menganjurkan *Kuale Car Free Day*.

Program Eko Komuniti merupakan inisiatif terbaharu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang diilhamkan dibawah pelaksanaan Dasar Komuniti Negara (DkomN). Program ini dikategorikan di bawah Kluster 2: Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan dan Kluster 6: Keusahawanan dan Perniagaan Sosial.

Program ini diperkenalkan bagi menggalakkan penglibatan komuniti setempat untuk menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan dalam kehidupan harian. Selain itu, program ini juga dijangka akan membantu meningkatkan kesedaran komuniti tentang kepentingan pengasingan sampah dan pada masa yang sama amalan ini juga dapat menjana pendapatan sampingan melalui sampah yang dikitar semula.

Matlamat pelaksanaan program Eko Komuniti yang berasaskan ekonomi, ekosistem dan ekologi ini adalah seperti berikut:

- I. Menggalakkan penglibatan komuniti setempat terutamanya yang menetap di kawasan PPR untuk menitik beratkan kebersihan dan mengamalkan kitar semula dalam pengurusan sampah harian;
- II. Membolehkan komuniti berupaya menjadikan tempat tinggal mereka lebih bersih, hijau dan selamat tanpa memerlukan pemantauan berterusan;

- III. Sebagai platform untuk meningkatkan lagi kesedaran dan penyertaan komuniti dalam program di bawah DKomN; dan
- IV. Meningkatkan penglibatan pemimpin tempatan agar dapat merapatkan diri secara lebih mesra dengan komuniti setempat.

Program Eko Komuniti memberi tumpuan kepada beberapa aktiviti utama yang dirancang dan dilaksanakan oleh komuniti sendiri. Antara aktiviti tersebut ialah:

- i) **Plogging** - aktiviti berjogging sejauh 3KM sambil memungut sampah;
- ii) Pelancaran **Hero Eko Komuniti #TrashtoCash** - sebilangan penduduk akan dipilih oleh komuniti setempat untuk menguruskan pengasingan dan audit sampah di peringkat komuniti tersebut;
- iii) Aktiviti **Audit Sampah** - sampah yang telah dipungut akan diasingkan dan ditukarkan kepada wang tunai untuk kegunaan komuniti; dan
- iv) program sampingan – pertandingan Beyblade, senamrobik, pertandingan mewarna untuk kanak-kanak dan mini badang.

Program di Jalan Kangsar, Kuala Kangsar merupakan siri kelima program ini selepas Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Selangor. Siri program ini akan melabuhkan tirainya di satu lagi lokasi iaitu di Putatan Sabah pada 7 Disember.

Kementerian berharap agar program Eko Komuniti dapat menggalakkan penglibatan komuniti setempat dalam menjaga kebersihan dan mengutamakan kesihatan dalam kehidupan harian di samping menjana pendapatan sampingan melalui sampah yang dikitar semula.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my